

# ASAL USUL ORANG MELAYU DI KEPULAUAN MELAYU DAN ORANG MELAYU PERLIS

Oleh: **Shukor Mat**

Menjadi kebiasaan kepada orang ramai untuk memikirkan dari negeri manakah asalnya seseorang itu sama ada yang dikenalnya atau tidak apabila mengetahui sesuatu berita. Begitu juga jika terjadi sesuatu kepada orang Melayu, Sudah tentu diselidiki latar belakang asalnya dari mana sama ada dari utara, selatan, timur, barat atau dari pulau dan pelusuk mana asalnya. Lazimnya orang ramai mengetahui bahawa orang-orang Melayu berasal dari Indonesia, iaitu orang Minang berasal dari Pulau Sulawesi. Keadaan yang demikian juga terjadi di Perlis apabila seseorang itu boleh diketahui asalnya dari ceruk mana setelah mendengar gaya bahasa atau loghat daerahnya.

Pengetahuan tentang asal usul orang-orang Melayu di Malaysia dan di Perlis tidak banyak diperincikan oleh orang ramai kerana mungkin mereka rasakan ia tidak memberi pulangan yang berguna dari segi ekonomi dan merugikan masa sahaja. Dari segi sejarah, budaya dan politik asal usul orang-orang Melayu perlu diteliti untuk dijadikannya sebagai kayu ukur dan iktibar tentang jatuh banggunya bangsa tersebut berbanding dengan bangsa-bangsa lain yang sama-sama hidup di bumi Allah ini.



*Pemuda Melayu dari Pahang ini segak memakai sepasang baju kurung Teluk Belanga. Kain sampinnya ialah kain sarung perai corak batik dan sebilah keris tersisip di pinggang. semutarnya dari setangan batik.*

Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu menyatakan:

**“Melayu ialah nama khas bagi satu kelompok suku bangsa di sekitar Kepulauan Melayu atau pun nama am bagi pelbagai kelompok serumpun bahasa di kalangan kelompok Bahasa Melayu-Polinesia (Austronesia). Sebagai nama khas, kelompok suku bangsa ini mendiami wilayah-wilayah Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Selatan Thailand, pesisir timur pulau Sumatera, pesisir Pulau Borneo dan wilayah-wilayah lain di Kepulauan Melayu (Nusantara) serta kawasan penghijrahan mereka di seluruh dunia. Mereka adalah penutur teras bahasa Melayu. Sebagai kelompok am, bangsa Melayu terdiri daripada pelbagai suku bangsa yang juga menjadi penutur bahasa Melayu dan penutur bahasa-bahasa rumpun Melayu. Mereka terdiri daripada semua suku bangsa di seluruh Alam Melayu- dari Filipina hingga ke Irian, Sumatera dan Kemboja. Salam pengertian yang lebih luas, Melayu merangkumi semua penutur bahasa Melayu dalam kelompok Bahasa Melayu-Polinesia.”**<sup>1</sup>

Orang-orang Melayu di Malaysia ialah semua kelompok penduduk di Kepulauan Melayu yang telah berhijrah ke Tanah Melayu sejak beratus-ratus tahun dahulu. Mereka berasal dari Aceh, Minangkabau, Mandailing, Bengkulu, Rawa, Palembang, Lampung, Jawa, Sunda, Bugis, Banjar, Sulu, Bajau dan Melanau. Mereka telah ditakrifkan dengan makna yang khusus dan tertentu bagi kelompok masyarakat yang berbahasa Melayu, mengamalkan adat Melayu dan beragama Islam. Takrif ini terdapat dalam Perlembagaan Malaysia dan digunakan khusus untuk maksud tafsiran undang-undang Malaysia.<sup>2</sup>

Menurut catatan pengembara China, Langkasuka ialah sebuah kerajaan yang paling awal di Asia Tenggara yang mempunyai pelabuhan utamanya di Segenting Kera.

<sup>1</sup> Sidang Pengarang, Dewan Bahasa dan Pustaka, *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 3, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1998.hal.1503.

<sup>2</sup> *Ibid*.hal.1503.





Seorang wanita Melayu di akhir kurun ke-19 memakai baju kebaya dengan kain sarung songket dan kain sarung berdagang luar.

Sumber - sumber China pada zaman Dinasti Liang (502-566 M.) menyatakan bahawa adat resam orang-orang Melayu Langkasuka m a s i h

diamalkan lagi pada akhir kurun 1 Masihi di kawasan yang dinamakan Patani. Nama Chinanya ialah Lang Ya Hsu. Dinyatakan bahawa Langkasuka mempunyai potensi tinggi untuk berkembang maju sebagai kawasan ekonomi yang besar, terutama sekali kerana adanya perdagangan darat merentasi segenting yang dijalankan berhampiran Langkasuka. Dalam abad ke-3 Masihi juga disebutkan oleh Sumber China bahawa terdapat 12 buah negeri-negeri Melayu tumbuh di sepanjang jalan segenting, dan gerai-gerai perniagaan dibina di sepanjang jalan rentas darat.<sup>3</sup>

R.O. Winstedt dalam bukunya Kitab Tawarikh Melayu menyatakan bahawa asal usul keturunan orang-orang Melayu dari Indo-China. Ini berdasarkan kajian beliau terhadap bahasa Melayu yang dikatakannya serumpun dengan bahasa orang Cham (orang Champa) yang menduduki Annam, sama dengan bahasa orang Pegu yang tinggal di Burma, juga dengan bahasa orang Khasi yang beranak-pinak di jajahan Assam dan juga bersamaan dengan bahasa orang Munda di jajahan Chota Nagpur di dalam negeri Hindustan.<sup>4</sup>

Sebahagian besar daripada tanah Asia Tenggara mengandungi gugusan pulau-pulau Melayu. Oleh itu majoriti penduduknya berasal daripada rumpun bangsa yang sama iaitu rumpun bangsa Melayu. Faktor sejarah dan

politik telah memisahkan mereka di negara yang berbeza. Oleh yang demikian mereka dipanggil sebagai orang Melayu Malaysia, orang Melayu Indonesia, orang Melayu Singapura, orang Melayu Brunei dan orang Melayu Thai.<sup>5</sup>

Walaupun pada asalnya bangsa Melayu ini menduduki sebahagian besar daripada tanah besar Asia Tenggara, tetapi setelah beberapa abad lamanya mereka terpaksa berpindah ke selatan oleh asakan bangsa Thai dan Cina, lalu mereka menduduki Thai Selatan, Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina sekarang ini.<sup>6</sup>

Berabad-abad lamanya bangsa Thai-Burma, Cina, Kemboja (Khmer) dan Campa (Vietnam Selatan) tinggal bersama-sama dengan orang-orang Melayu, maka berlakulah perkahwinan campur yang sehingga kini terdapat unsur-unsur Melayu yang diterapkan dalam masyarakat tersebut.<sup>7</sup>

Sungguhpun berbagai pendapat menyatakan bahawa orang-orang Melayu berasal dari Indo-China, tetapi pada hakikatnya rumpun bangsa Melayu di Nusantara itu sendiri dipercayai berasal dari daerah Yunan di barat daya negeri China. Ahli-ahli kaji purba berpendapat bahawa nenek moyang rumpun bangsa Melayu itu telah ada di Semenanjung Malaysia sejak abad ke-3 sebelum Masihi. Jadi nyatalah bahawa orang-orang Melayu adalah penduduk asal negara ini.<sup>8</sup>

Faktor geografi iaitu faktor bentuk muka bumi dan tanah tanih menjadi sebab utama kepada berkurangnya jumlah penduduk di Perlis, terutama sekali orang-orang Melayu yang merupakan penduduk paling ramai di negeri ini. Umpamanya banci penduduk tahun 1938 menunjukkan jumlah penduduk Perlis seramai 55,446 orang, 8 orang Eropah, 6 orang Nasrani, 44,22 orang Melayu, 4,103 orang Cina, 978 orang India dan 1,994 lain-lain bangsa.<sup>9</sup>

Negeri Perlis yang berada dalam Malaysia tidak mempunyai tanah yang subur jika dibandingkan dengan Negara-negara jiran lain seperti selatan Thai, Pulau Jawa dan Sumatera di Indonesia dan juga Filipina. Bentuk muka buminya banyak berbukit dan bergunung di utara, manakala bahagian tengahnya berpayau. Tanah pamah di utara Perlis kering dan tidak subur, sedangkan

<sup>3</sup> Mubin Sheppard, *A Royal Pleasure Ground Malay Decorative Arts and Pastimes*, Oxford University Press, Singapore, 1986, hal.5-6.

<sup>4</sup> R.O. Winstedt, *Kitab Tawarikh Melayu*, Fraser and Neave, Ltd, Singapura, 1921 hal.5.

<sup>5</sup> Asraf dan rakan-rakan, *Sejarah Baru Negara Malaysia Untuk Tingkatan 1*, DBP, 1977, hal.2-3.

<sup>6</sup> Ibid,hal.3.

<sup>7</sup> Ibis hal.3.

<sup>8</sup> Ibjd,hal.43.1

<sup>9</sup> *Majalah Persaudaraan Sahabat Pena*, Pulau Pinang, 1940, hal.71.





Lelaki ini memakai baju kurung Teluk Belanga sepasang dan kain sarung songket. Busaneka 1979

di bahagian selatan bertanah masam yang memerlukan campuran kapur untuk penanaman padi dan lain-lain tanaman. Keadaan ini menyebabkan orang-orang Melayu Perlis yang kebanyakannya bersawah memberikan perhatian kepada tanah bekas permatang laut lama yang agak subur di kiri-kanan Jalan Kangar-Alor Star iaitu dalam Mukim Seriab dan Utan Aji. Pada zaman British dan zaman sebelum kedatangan Jepun kegiatan melombong bijih timah dijalankan juga oleh orang-orang Melayu di Kaki Bukit Perlis. Setelah penubuhan FELDA ramai orang-orang Melayu terlibat dengan kegiatan menanam tebu, getah, kelapa, mempelam, sayur-sayuran, pisang, nenas dan ubi. Tegasnya kebanyakan orang-orang Melayu Perlis adalah kakitangan kerajaan, lain-lain pekerjaan dijalankan secara sambilan.

Faktor geografi seperti bentuk muka bumi dan tanah tanah tidak mempunyai tarikan yang kuat untuk orang-orang Melayu bertumpu ke Perlis, melainkan faktor sejarah dan budayanya menjadi daya penarik utama penghijrahan dari luar terutama sekali orang-orang Patani kerana lari daripada kekejaman Siam.

Dalam tahun 1838 Osborn dalam bukunya *The Blockade of Kedah In 1838 in Malayan Waters* menyatakan bahawa orang-orang Melayu Perlis bimbang mengenai bentuk pemerintahan yang bakal dikenakan ke atas mereka oleh tentera Siam apabila memerintah Perlis nanti. Manakala pelawat-pelawat dari Barat merasa simpati dengan nasib yang diterima

oleh orang-orang Melayu Perlis dan Kedah yang terpaksa melarikan diri apabila Kedah tewas dalam peperangan dengan Siam pada tahun 1821.<sup>10</sup> Kekejaman yang dilakukan oleh tentera Siam itu telah dicatatkan oleh Francis Light sebagai:

**“The siamese General is extirpating Pattany (Petani) all the men, children and old women, he orders to be tied and thrown upon the ground and than trampled to death by elephants”.** Bermaksud pemerintah Siam telah membinasakan Petani dengan memberkas semua orang lelaki, kanak-kanak dan orang-orang perempuan tua, lalu dihumbankan ke tanah untuk dimusnahkan oleh gajah-gajah.<sup>11</sup>

Gambaran yang diberikan oleh Light itu diperkuat lagi oleh pernyataan Ahmad Fathy al-Fatani melalui bukunya *Pengantar Sejarah Patani* sebagai berikut:

“Rakyat dibunuh dan dicabul. Mana-mana harta dan peralatan yang masih ada dipunggah ke kapal sebagai rampasan perang. Sejumlah 4,000 orang rakyat Patani dicucuk keling dan digiring ke Bangkok menjadi tawanan perang dan hamba.<sup>12</sup>

**“Pada keseluruhannya, ada tiga buah negeri di Malaysia yang menjadi arah tuju orang Patani, iaitu Kelantan, Kedah dan Terengganu. Dua buah negeri bersempadan yang lain, Perak dan Perlis ditakdirkan tidak menjadi destinasi utama mereka apabila berhijrah”.**<sup>13</sup>

Pernyataan di atas menunjukkan berlaku penghijrahan rakyat Patani secara besar-besaran ke Malaysia iaitu kebanyakannya ke Kedah, Kelantan dan Terengganu dan juga sedikit-sedikit ke Perlis dan Perak. Akibat perpindahan inilah yang menyebabkan pertambahan pesat kepada penduduk di negeri tersebut termasuk Perlis. Gerakan perpindahan ini berlaku dalam masa yang tidak tetap kerana bergantung kepada waktu dan keadaan semasa yang sesuai dan selamat supaya tidak dapat dikesan dan disyaki oleh pihak berkuasa Siam. Lagi pun kekejaman dan penekanan Siam ke atas orang-orang Melayu Patani berlaku dalam semua masa pemerintahannya. Umpamanya seperti paparan berikut:

**“Semasa pemerintahan Phya Bahol (1933-1938), beberapa langkah awal telah diambil oleh kerajaan Siam untuk mengasimilasi penduduk-penduduk minoriti di negara itu, termasuk juga**

<sup>10</sup> Sherard Osborn, *The Blockade of Kedah 1838*, Oxford University Press 1987, hal.272.

<sup>11</sup> Booney, R., *Kedah 1771-1821 The Search For Security and Independence*, Oxford University Press, K.Lumpur, 1974, hal.79.

<sup>12</sup> Ahmad Fathy al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*, Pustaka Darussalam, Alor Star, 1994, hal.65.

<sup>13</sup> Ahmad Fathy al-Fatani, *Ibid*, hal.221.



**kaum Melayu, melalui sistem pelajaran. Di bawah akta pelajaran itu, semua kanak-kanak yang cukup umur persekolahan diwajibkan belajar di sekolah kerajaan. Keadaan ini telah meletakkan orang-orang Melayu dalam dilema”.**<sup>14</sup>

**“Dasar kebudayaan berbentuk paksaan yang dilaksanakan oleh Pibul itu telah menyinggung perasaan orang-orang Melayu. Mana-mana penduduk tempatan yang dapat bertahan menghadapi paksaan itu terus menetap di Patani sementara yang lemah semangat telah berpindah ke Kelantan. Pada masa itu Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis berada di bawah pemerintahan Siam”.**<sup>15</sup>

Penduduk Perlis yang berasal dari Patani terdapat dalam jumlah yang agak ramai. Mereka dapat dikenalpasti melalui peralatan tradisional yang digunakan seperti pisau pemotong padi, bakul, keris, lembing dan sebagainya. Orang-orang Melayu Patani yang menetap di Perlis juga menjadi alim ulama ternama, contohnya Haji Abdullah bin Mat Ali iaitu seorang tokoh As-Sunnah.

Orang-orang Melayu Perlis juga berasal dari Indonesia yang terkenal sebagai tokoh-tokoh As-Sunnah seperti Syeikh Hassan Surabaya, Lebai Kecil yang berasal dari Kampung Kemantan Darat, Padang, Sumatera. Begitu juga dengan Haji Abdul Ghani Datuk Sakti, beliau berasal dari Kampong Rumbai, Bukit Tinggi, Sumatera. Manakala Fakih Sidin bin Marusa adalah berasal dari Padang, Sumatera.

Orang-orang Melayu Perlis menggunakan dialek yang sama dengan dialek Melayu Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara dalam perbualan harian mereka. Dari segi kosa kata banyak perkataan khusus digunakan dan

berbeza dengan pengucapan bahasa Melayu baku. Contohnya:

Dialek Melayu Perlis	Bahasa Melayu Baku
Ligan	Kejar
Tibai	Pukul
Ragas	Panjat
Tabuh	Pukul
Peda	Teliti
Hang	awak / anda <sup>16</sup>

Berdasarkan perbincangan ini didapati bahawa asal usul rumpun orang-orang Melayu adalah daripada dua rumpun utama iaitu dari tanah besar Asia Tenggara iaitu Indo-China yang sekarang ini menjadi penduduk di selatan Thai. Rumpun yang satu lagi berasal dari Yunan, China iaitu orang-orang Melayu yang menetap di Semenanjung Tanah Melayu sejak abad ke-3 Masihi. Orang-orang Melayu ini akhirnya bertemu di tanah yang satu iaitu di tempat yang dahulunya dikenali sebagai Ujung Salang atau Semenanjung Tanah Melayu. Walau apa pun yang terjadi kepada orang-orang Melayu, semuanya itu sebagai satu iktibar atau pengajaran agar pisang tidak berbuah dua kali. British walaupun sebagai penjajah tetapi menjadi penjajah yang baik kerana telah mengembalikan semula hak ketuanan Melayu ke atas negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu melalui Perjanjian Bangkok 1909. Keempat-empat buah negeri-negeri Melayu ini dahulunya telah dinodai dan dicemari oleh Siam. Pertolongan British yang kedua untuk mengembalikan negeri orang-orang Melayu di tanah besar Patani kepada tuannya iaitu orang-orang Melayu Patani telah digagalkan oleh kuasa besar Amerika Syarikat. Keindahan pantai dan telok-teloknya, kesuburan tanah-tanahnya dan jaringan darat merentas Segenting Kera hanya merupakan mimpi indah di siang hari bagi orang-orang Melayu keseluruhannya.

<sup>14</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*, Bangi, 1999, hal.49.

<sup>15</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, hal.152.

<sup>16</sup> *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Jilid 1*, 1999, hal.649-650.

#### Rujukan:

1. Sidang pengarang DBP, *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Jilid 1 dan 3. K.Lumpur : [s.n.], 1998.
2. Mubin Sheppard, *A royal pleasure ground Malay decorative arts and pastimes*. Singapore : Oxford University Press, 1921.
3. Asraf dan rakan-rakan. *Sejarah baru negara Malaysia untuk tingkatan 1*. DBP, 1997.
4. *Majalah Persaudaraan Sahabat Pena*. 1940 : ?p.
5. Booney, R. *Kedah 1771-1821, the search for security and independence*. Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1974.
6. Ahmad Fathy al-Fatani. *Pengantar Sejarah Patani*. Alor Setar : Pustaka Darussalam, 1994.
7. Nik Anuar Nik Mahmud. *Sejarah perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Bangi., [s.n.] 1999.
8. *Majalah Expo Pembangunan Islam*. 1980 : ?p.
9. Sherard Osborn, *The Blockade of Kedah In 1838*. [s.l.] Oxford University Press, 1987.